



**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR PERLIS
BERSEMPENA PERASMIAN PENUTUP MESYUARAT AGUNG
KALI 40 PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PERLIS**

**14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)
12.00 TGH
DEWAN BANQUET KOMPLEKS SUK**

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

SALAM PERLIS. “RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis.

Yang Mulia Dato’ Tengku Aziz Bin Tengku Jaafar
Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPN Perlis

Yang Berhormat Tuan Hj Razali Bin Saad
AMMK negeri Perlis

Yang Berusaha Puan Roshidah Binti Ahmad
Pengarah LPP negeri Perlis

Yang Berusaha Encik Zairizal Bin Zainol
Pengurus MADA Wilayah 1 Perlis

Barisan Ahli Jemaah Pengarah PPN Perlis

Pengerusi Pengerusi PPK negeri Perlis

Pengurus Besar PPN dan PPK negeri Perlis

Pegawai pegawai LPP dan MADA Perlis

Para perwakilan yang dirahmati Allah SWT

1. **Segala** puji dan syukur kehadiran Allah SWT di mana dengan limpah izinNya **dapat kita** berkumpul di dewan yang indah ini.
2. **Saya** juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas kesudian menjemput saya bagi menyempurnakan majlis penutup Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Perlis kali ke 40. **Saya** amat berbesar hati dapat meraikan dan bersua muka dengan Dato' Dato', Tuan Tuan dan Puan Puan pemimpin peladang negeri Perlis, **yang** merupakan pahlawan tak didendang bagi sektor pertanian dan penggerak 11 (sebelas) Pertubuhan Peladang di negeri Perlis.
3. **Saya** mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia Dato' Tengku Aziz, barisan kepada Ahli Jawatankuasa Peladang dan pengurusan PPN Perlis serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini. **Terutama** kepada para perwakilan yang mewakili ahli ahli peladang seluruh Perlis.
4. **Semangat** dan muafakat yang ditunjukkan memberi harapan positif untuk pergerakan Pertubuhan Peladang supaya kekal relevan dan bergantung harap dalam memayungi ahli ahli di bawah sana. **Saya** juga mengucapkan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Peladang dan Pengurusan PPN Perlis kerana berjaya juga mencatat keuntungan bagi tahun 2022 **walaupun** berhadapan berbagai cabaran dan kekangan.

5. **Kerajaan** negeri Perlis sentiasa mengiktiraf dan memandang serius sektor pertanian di negeri Perlis yang mana kebanyakan penduduk Perlis adalah terlibat dalam bidang ini. **Selain** tanaman padi, kerajaan negeri juga giat memperkasa tanaman Harumanis dan **tanaman lain** yang bernilai tinggi sesuai dengan anugerah Allah SWT kepada bumi Perlis yang cukup subur dan **memiliki** cuaca unik sesuai untuk pelbagai aktiviti pertanian.

Dato' Dato'/ Tuan tuan dan Puan Puan yang saya kasihi,

6. **Saya** sangat berharap agar PPN dan PPK negeri Perlis dapat bersama dengan kerajaan negeri dan semua agensi yang terlibat dengan pertanian dalam usaha memartabatkan pertanian negeri Perlis. **Usaha** menyeluruh dan bersepadu perlu diatur gerak untuk mengoptimumkan potensi tanah subur ini sebaiknya.

7. **Kita** perlu mengorak langkah semaksimanya tetapi tersusun untuk mendepani cabaran semasa. **Perubahan** cuaca dan geopolitik dunia semakin mencabar untuk keterjaminan makanan negara. **Kita** akan ketinggalan sekiranya ruang masa dan kesempatan yang ada berlalu begitu sahaja **sedangkan** negara luar terutama negara maju memberi fokus dan perhatian serius terhadap jaminan bekalan makanan rakyat negara mereka.

8. **Kita** bukan hanya sekadar mengeluarkan makanan tetapi perlu menggandakan produktiviti dengan piawaian yang tertentu. **Dunia** sedang bercakap tentang penggunaan IOT (Internet Of Thing), AI (Artificial Intelligent), organik dan mesra alam. **Kita** perlu bersama arus ini atau ditolak ke tepi dalam persaingan domestik dan antarabangsa. **Hari ini** pembeli bukan sekadar melihat apa yang kita hasilkan tetapi juga bagaimana ia dikeluarkan seperti benih, baja dan bahan kimia yang kita gunakan malah sampai kepada sumber kuasa samada mesra alam atau tidak.
9. **Pertanian** perlu dilihat sebagai sumber kekayaan bukan lagi sebagai warisan. **Pertanian** memerlukan medan dan wajah baru bukan lagi berasaskan tenaga buruh dan manual. **Pertanian moden** memerlukan mekanisasi dan teknologi untuk kekal bersaing. **Saya** faham pertanian sangat terdedah kepada risiko cuaca, pasaran dan lain lain. **Tetapi** itu bukan alasan untuk kita tidak maju ke hadapan.
10. **Kita** tidak akan capai hasil dengan bersikap tidak mengapa dan menyalahkan orang lain. **Pasti** ada sesuatu yang kita boleh buat daripada berharap orang lain berbuat sesuatu untuk kita. **Kerajaan** juga telah dan sedang berusaha keras ke arah kelestarian pertanian. **Pelbagai** insentif dan bantuan diberikan untuk memperkasa sektor pertanian dengan harapan rakyat akan mendapat jaminan makanan dan **pengeluar** atau petani dapat menikmati pendapatan yang lebih dari usaha mereka.
11. **Sudah** tentu usaha ini sukar dan mencabar kerana ia memerlukan semua pihak keluar dari keselesaan dan **bertindak** di luar dari kebiasaan tetapi saya percaya usaha murni ini akan mencapai kejayaan dengan restu Allah SWT dan kerja keras ikhlas dari semua pihak yang terlibat.

12. **Berbalik** kepada PPN Perlis, saya yakin kepimpinan yang ada sedang berusaha untuk lebih maju dan bergerak seiringan dengan kehendak dan cabaran semasa. **Pihak** kerajaan negeri sentiasa bersedia untuk membantu PPN dan PPK untuk terus membantu ahli ahli di bawah sana.
13. **Saya** sangat yakin dengan pergerakan NAFAS, PPN dan PPK dalam menjadi teras kepada pertanian negara dan memayungi ahli ahli. **Saya juga** difahamkan bahawa NAFAS telah memperuntukkan **RM 62,502.33** sebagai agihan zakat kepada semua ahli melalui PPK di negeri Perlis selain sumbangan pendidikan dan lain-lain. **Inilah** hasil yang dinikmati dari pergerakan tiga peringkat ini. **Oleh itu** saya sangat berharap agar semua pihak berganding bahu saling bantu membantu dalam menjayakan pergerakan Pertubuhan Peladang di negeri ini.
14. **Akhir kata**, saya meletakkan harapan, kepercayaan dan mendoakan agar para pemimpin peladang di hadapan saya ini untuk terus bergerak maju dalam industri pertanian dan juga pergerakan Pertubuhan Peladang ini.
15. Dengan lafaz ***Seeru Ala Barokatillah***, saya merasmikan penutupan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Perlis kali ke 40 bagi tahun 2023.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalamu alaikum wrtbbh.